

## ABSTRAK

Kajian berbentuk kuantitatif ini dilakukan terhadap penagih yang sedang menjalani program pemulihan di 18 pusat pemulihan, *Care and Cure Rehabilitation Center* 1Malaysia (CCRC) di seluruh Negara termasuk Sabah dan Serawak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti profil penagihan dan jenis salah laku jenayah yang dilakukan oleh penagih di Malaysia. Kajian ini menggunakan soal selidik yang di bina khas bersesuaian dengan keperluan mencapai objektif kajian yang digariskan. Selain dari itu kaedah temubual kepada beberapa orang responden yang di pilih secara rawak mudah bagi setiap pusat juga telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 3,703 orang responden yang sedang menjalani program pemulihan kajian, telah berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Tumpuan utama kajian ini adalah cuba mendapatkan maklumat secara menyeluruh berkaitan dengan latar belakang penagih, sejarah penagihan, amalan penagihan, jenis dadah yang biasa digunakan serta perbelanjaan yang diperlukan untuk membeli dadah, jenis kesalahan jenayah yang mereka lakukan dan hubungannya dengan jenis dadah yang mereka gunakan. Data-data yang diperolehi di proses menggunakan *SPSS Version V22*, dan di analisis berdasarkan kekerapan dan pemeratusan. Hasil kajian ini dapat membuktikan kebenaran bahawa kebanyakan kes-kes kesalahan jenayah yang berlaku di Malaysia, ada kaitan dengan perbuatan penagih terutama dari aspek kesalahan pecah rumah (mencuri), mencuri kenderaan, meragut/*pick pocket*, mencederakan orang, serta menyamun tanpa senjata. Keduanya, ramai dalam kalangan penagih terdiri daripada belia yang berumur antara 20 hingga 29 tahun yang kebanyakan mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, tahap pendidikan akademik dan agama yang rendah. Terdapat empat jenis dadah utama yang sering digunakan oleh penagih di Malaysia iaitu; i) Heroin, ii) Morfin, iii) Syabu/Ais/Kristal, dan iv) Ganja/*Cannabis*/Marijuana/*Hasish*. Kajian juga mendapati bahawa masih terdapat ramai penagih yang dimasukkan di CCRC secara berulang-ulang kali bagi kesalahan jenayah yang sama. Faktor program yang dilaksanakan, fasiliti dan persekitaran CCRC juga mempengaruhi kejayaan dan keberkesanan usaha pemulihan penagih di CCRC. Di akhir kajian, beberapa cadangan diutarakan untuk panduan pihak AADK mengenal pasti isu-isu penting yang perlu di beri perhatian dalam usaha merancang dan melaksanakan program pemulihan penagih-penagih dadah di Malaysia.